

Isi tempat kosong dengan kata penguat yang sesuai.

|        |       |        |         |
|--------|-------|--------|---------|
| sekali | betul | sangat | agak    |
| amat   |       | cukup  | sungguh |

Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina telah bermurah hati menyumbangkan idea dan tenaga bagi menjayakan Program Sarana Sekolah. Sepanjang program itu, berlangsung, pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan.

Persatuan Bahasa Melayu telah membuka gerai makanan. Pelbagai makanan yang enak dijual seperti ayam percik, sate, mi kari dan bihun sup. Sambutan daripada para pembeli hebat \_\_\_\_\_.

Di samping itu, ceramah motivasi turut diadakan. Ceramah yang disampaikan \_\_\_\_\_ penting kepada murid-murid. Murid-murid dinasihati agar berusaha untuk mencapai keputusan yang cemerlang.

Selain itu, Kelab Doktor Muda menjalankan pameran tentang gaya hidup yang sihat. Para pengunjung dapat membuat pemeriksaan kesihatan. Petugas di situ melayan pengunjung dengan mesra \_\_\_\_\_.

Kelab Seni dan Budaya pula membuka gerai kraf tangan. Hasil kraf tangan dijual pada harga yang \_\_\_\_\_ murah. Hasil kraf tangan tersebut \_\_\_\_\_ cantik.

Walaupun \_\_\_\_\_ letih, semua pihak yang terlibat berasa \_\_\_\_\_ gembira. Mereka berpuas hati kerana program tersebut berjalan dengan lancar.